



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011
Teleks: HAKIM MA 33548
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (11)dlm.JK/MA 38/3

Tarikh: 24hb Julai 1995

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi.

Hakim Mahkamah Sesyen.

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar.

Majistret.

Y.A. Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 1/1995
Penangguhan untuk membuat keputusan.



Adalah saya diarah oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara bahawa dari masa ke semasa Mahkamah terpaksa menangguhkan perbicaraan untuk mengkaji hujah-hujah dan autoriti-
autoriti yang dikemukakan sebelum membuat keputusan.


2. Kadangkala selepas perbicaraan fail perbicaraan itu dibawa ke pejabat pendaftar untuk disimpan, dan Hakim/Majistret berkenaan (kerana pihak terlibat tidak mengingatkannya) terlupa hendak membuat keputusan. Di dalam satu kes terpencil, seorang Hakim telah mengeluarkan keputusannya selepas 21 tahun! Perkara sedemikian telah mencemarkan nama baik Badan Kehakiman dan juga Kerajaan Malaysia.

3. Untuk memastikan keputusan yang tertangguh tidak berlarutan, Y.A.A. Ketua Hakim Negara mengarahkan supaya Hakim/Majistret yang memerlukan masa untuk meneliti autoriti-autoriti sebelum membuat keputusan, hendaklah, selepas sahaja perbicaraan, menetapkan tarikh padamana keputusan akan dibuat. Bergantung kepada kompleksiti sesuatu kes, penangguhan hendaklah tidak lebih daripada dua minggu daripada tarikh perbicaraan.

4. Bagi keputusan-keputusan yang dirayukan ke Mahkamah atasan pula, alasan penghakiman hendaklah disediakan dalam tempoh enam minggu.

Sekian,

Saya yang menurut perintah,


(ZAINUN BTE ALI)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Kuala Lumpur.

- 2 -

s.k.

Y.B. Dato' Abu Bakar bin
Datu Bandar Abang Haji Mustapha,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
KUALA LUMPUR.

Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
KUALA LUMPUR.

Y.Bhg. Peguam Negara,
Jabatan Peguam Negara,
Bangunan Bank Rakyat,
Jalan Tangsi,
50480 KUALA LUMPUR.

Ketua Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,
Tingkat 2, Wisma Cyclecarri,
Jalan Raja Laut,
50692 KUALA LUMPUR.

Ketua Setiausaha Sulit Kanan,
Kepada Y.A.B. Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
KUALA LUMPUR.

Pengerusi,
Majlis Peguam,
No. 5 Jalan Tun Perak,
KUALA LUMPUR.